



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

29 MEI 2022 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

29 MEI 2022 (AHAD)



Rosol melawat gerai jualan langsung selepas merasmikan Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia dan Pelancaran Pelan Hala Tuju Industri Jualan Langsung (2021-2025) di Berjaya Times Square, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

KPDNHEP terus perkasa industri jualan langsung

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melaksanakan penyediaan Pelan Hala Tuju Industri Jualan Langsung yang baharu sebagai kesinambungan kepada perkembangan industri bagi tempoh lima tahun akan datang.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata penyediaan pelan hala tuju baharu itu berikutan pelan sebelum ini sudah berakhir.

Beliau berkata, ia sebagai usaha untuk memperkasakan sektor berkenaan menerusi peningkatan nilai jualan menjelang 2025.

"Pelan ini adalah dokumen yang akan diterjemahkan hala tuju industri jualan langsung pada masa depan.

"Ia sudah digarap berdasarkan kepentingan semua pihak yang terlibat dalam industri ini, termasuk menjayakan industri jualan langsung ke arah mewujudkan ekosistem perniagaan yang lebih kondusif dan dinamik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia dan Pelancaran Pelan Hala Tuju Industri Jualan Langsung (2021-2025) di Berjaya Times Square, semalam.

Rosol berkata, pelan itu adalah blueprint yang akan merealisasikan hasrat kerajaan melalui

pendekatan yang mampu diterjemahkan dalam kepelbagaian sesi libat urus atau aktiviti yang turut membabitkan pemain industri dalam menyumbang perkembangan jualan langsung negara bukan sahaja pada peringkat domestik, malah ke global.

"Iltizam KPDNHEP melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) akan turut diterjemahkan melalui pelan ini dengan mengambil kira keperluan mewujudkan peluang pekerjaan dan pendapatan, khususnya dalam membangun dan mengembangkan industri jualan langsung negara.

"Walaupun dilihat berlaku kejatuhan ekonomi dunia disebabkan pandemik COVID-19, industri jualan langsung negara sudah membuktikan pertumbuhan memberangsangkan dengan mencapai jualan RM25.7 bilion bagi tahun kewangan berakhir 2020," katanya.

Program Hari Industri Jualan Langsung Malaysia berlangsung selama tiga hari bermula kelmarin.

Bertemakan Khazanah Alam Jualan Langsung, program itu membabitkan 22 syarikat jualan langsung daripada Persatuan Jualan Langsung Malaysia (DSAM) dan Persatuan Edaran Terus Malaysia (MDDA) bagi mempromosi potensi perniagaan kepada orang ramai serta kelebihan produk jualan langsung.